

Headline	<b>Modal ihsan jadi keutamaan</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>30. Aug 2008</b>	Page No	<b>12a</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>279 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Supplement</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>	AdValue	<b>3936.42</b>



# Modal ihsan jadi keutamaan

**P**ELABURAN dalam pembangunan modal insan terus diutamakan untuk membolehkan negara beralih ke rantai nilai lebih tinggi dan membangunkan ekonomi berdasarkan pengetahuan.

Sektor perkhidmatan sosial diperuntukkan RM15,594 juta pada tahun 2008 berbanding RM12,893 juta tahun sebelumnya, di mana RM8,483 juta untuk sektor kecil pendidikan dan latihan. Pengajian tinggi disediakan jumlah terbesar untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan pengajian tinggi melalui pelaksanaan pelbagai projek dan program.

Penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) di empat Universiti Penyelidikan iaitu Universiti Malaya (UM),

Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) akan dipertingkatkan.

Kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan untuk mengembang dan menaik taraf Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Pahang.

Bagi meningkatkan bilangan dan kualiti tenaga kerja terlatih untuk memenuhi permintaan industri, pelbagai program dan infrastruktur

ditingkatkan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), politeknik, institusi latihan kemahiran serta kolej komuniti.

Peruntukan juga disediakan untuk



**KUALITI** Pendidikan dipertingkatkan untuk untuk membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan.

menyelenggara dan menaik taraf peralatan dan kelengkapan di industri berkewaan.

Antara projek yang sedang dalam pelaksanaan pada tahun 2008 termasuk ADTEC di Taiping, Bintulu, Kemaman dan Jerantut serta

pusat latihan kemahiran di Marang, Tanjung Malim dan Kuala Krai.

Sektor kecil kesihatan merupakan penerima kedua terbesar dalam sektor perkhidmatan sosial dengan peruntukan sejumlah RM2,247

juta yang meliputi 14.4 peratus daripada sektor ini berbanding 11.6 peratus kepada RM1,496 juta pada tahun 2007.

Peruntukan ini disediakan untuk

membangun, menaik taraf dan menyelenggara hospital dan klinik, membeli peralatan perubatan dan kesihatan serta menyediakan pelbagai perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif.

Perkhidmatan kesihatan luar bandar akan terus dipertingkatkan, sementara Fasa 2 Hospital Information System atau HIS di 11

buah hospital, termasuk Hospital Sarikei, Jasin dan Temerloh akan dilaksana. Antara projek utama yang dirancang pada tahun 2008 ialah pembinaan Kolej Kejururawatan Kuala Pilah, Hospital Tampin dan Hospital Pemulihan Cheras.